

# PBB tidak boleh diharap lagi: PM

Oleh Kamal Ahmad dan Ibrahim Mohamad

KUALA TERENGGANU, Khamis — Kegagalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghentikan pembunuhan di Bosnia dan Rwanda membuktikan badan dunia itu tidak boleh lagi diharap melindungi negara dan manusia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, PBB sekarang lebih mengutamakan kepentingan ekonomi negara-negara tertentu dan bukannya nyawa manusia.

Kekejaman penganas Serb ke atas rakyat Bosnia-Herzegovina serta krisis terbaru di Rwanda, katanya, membuktikan PBB sengaja tidak mahu bertindak ke atas pihak yang bersalah dan melindungi mereka yang ditindas.

"Saya berasa PBB tidak berguna lagi sebagai badan yang boleh mempertahankan negara lemah kerana ia tidak mahu mengambil apa-apa tindakan.

"PBB tidak mahu menyelamatkan orang Bosnia sebaliknya mengugut mereka kalau tidak terima perdamaian, dia akan tarik keluar askarnya dan biar semua orang dibunuh.

"Ini bukan cara PBB. Sebab itu kita berasa amat tidak puas hati dengan Yayushi Akashi (wakil khas PBB ke Bosnia) dan Boutros-Boutros Ghali (Setiausaha Agung

PBB) yang tidak berunding langsung dengan negara lain," katanya menengulas cadangan PBB mahu menarik Pasukan Perlindungan PBB (Unprofor) di Bosnia-Herzegovina.

Dr Mahathir memberitahu demikian kepada pemberita di lapangan terbang di sini sebelum berlepas ke Pulau Langkawi. Sebelum itu, beliau merasmikan Kejohanan Taekwondo Sedunia Ke-9 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Perdana Menteri turut membidas lima negara kuasa besar yang tidak berminat menamatkan keganasan Serb di Bosnia.

"Kalau ada kepentingan mereka, baru mereka tolong tapi kalau setakat pembunuhan orang lain, mereka tidak akan tolong," katanya.

Beliau berkata, pembunuhan kira-kira 500,000 orang dalam perang saudara di Rwanda berlaku kerana badan dunia itu tidak mengambil sebarang tindakan menghentikannya.

"Saya anggap PBB bersalah dalam pembunuhan di Rwanda kerana ia tidak mengambil tindakan segera. Tetapi kalau ini terjadi pada negara tertentu, ia akan kerah semua negara lain menghantar askar walaupun bilangan yang terbunuh tidak banyak," katanya.